

## **KEPENTINGAN KEMAHIRAN DALAM RUNDINGAN DAMAI**

### **1. PENDAHULUAN**

Rundingan damai merupakan antara elemen yang penting dalam Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia bagi menangani pertikaian yang terjadi di dalam sesebuah perusahaan. Bagi menyelesaikan masalah antara dua pihak iaitu majikan dan pekerja, rundingan damai hendaklah dilakukan secara professional untuk menyelesaikan perkara yang dirunding bagi memberi kepuasan dan keadilan untuk semua pihak yang terlibat. Hal ini kerana, adanya impak positif bagi majikan dan pekerja, dan keharmonian perusahaan juga terbina. Oleh itu, terdapat beberapa kemahiran yang boleh digunakan bagi memudahkan rundingan damai dijalankan.

### **2. MEWUJUDKAN SATU INTERAKSI YANG BERSIFAT HARMONI ANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA**

Perundingan damai adalah satu proses di mana wujudnya satu perbincangan antara pegawai perunding, majikan dan kesatuan. Pentingnya kemahiran dalam rundingan damai terhadap pegawai perunding agar dapat mewujudkan satu perbincangan atau komunikasi yang bersifat harmoni. Hal ini demikian, agar suatu masalah dapat diatasi dan diselesaikan dengan cara baik. Dalam hal ini pegawai perunding harus menggunakan cara mereka tersendiri bagaimana untuk mengelakkan satu kesalahfahaman atau perbalahan berlaku antara majikan dan pekerja. Pegawai perunding akan mendengar masalah setiap pihak dan berfikir secara rasional dan menggunakan pengalaman mereka untuk menyelesaikan masalah yang tercetus. Sebagai contoh, perbincangan secara berasingan dapat dilakukan. Perbincangan antara majikan dan pegawai runding dan pekerja dan pegawai perunding sangat memberikan kesan yang baik kepada kedua ahli. Hal ini kerana, melalui cara ini pegawai dapat menenangkan kedua belah pihak dan mampu memperoleh keputusan rundingan damai yang terbaik. Selain mengelakkan persengketaan atau rasa tidak puas hati antara majikan dan pekerja.

### **3. KOMUNIKASI YANG JELAS DAN BERKESAN**

Kebolehan berkomunikasi dengan jelas dan padat juga dititikberatkan. Dalam satu perbincangan, inti pati yang jelas dan berkesan kepada kedua pihak iaitu majikan dan pekerja sangat mempengaruhi pengakhiran sesuatu rundingan damai. Selain itu, pemahaman dari pihak perunding, kebolehan mengekalkan kepercayaan perayu, dan membuat tindakan susulan adalah ciri yang berkesan. Hasil daripada perkara di atas, seorang perunding

haruslah mempunyai keyakinan terhadap keupayaannya dalam mengendalikan sesuatu situasi. Penyampaian yang berkesan dan jelas membantu semua pihak memahami situasi sebenar dan dapat membuat keputusan dengan mudah.

#### **4. KEMAHIRAN MENYELESAIKAN MASALAH DAN KEUPAYAAN MEMBUAT KEPUTUSAN**

Pegawai perunding atau juga dikenali sebagai mediator, yang mengantarkan sesuatu pertikaian di dalam bilik rundjng memerlukan ketabahan dan kesabaran juga intelligence dalam menyelesaikan sesuatu masalah, agar keputusan dapat dilakukan dengan baik. Pentingnya ketabahan dan kesabaran adalah agar emosi pegawai perunding sendiri tidak terganggu atau terpengaruh dengan emosi pihak majikan maupun pekerja. Sebaliknya, mampu menenangkan emosi semua pihak dan diri sendiri. Keupayaan membuat keputusan pada boleh dilakukan sekiranya perunding mempunyai intelligence. Misalnya, dalam aspek psikologi, agar perunding dapat memahami body language majikan dan pekerja semasa dalam perundingan.

#### **5. KESIMPULAN**

Sebagai seorang pegawai perundingan kernaliran mewujudkan satu interaksi yang harmoni, komunikasi yang jelas dan berkesan dan menyelesaikan masalah dan keupayaan dalam rundingan damai agar masalah yang tercetus antara majikan dan pekerja dapat diselesaikan dengan baik dan berkesan.

#### **Disediakan oleh;**

Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah  
14 September 2022

#### **Rujukan**

Aris, A, & Yunus, A. R. (2016). Komunikasi Berkesan. Siri Latihan Pembangunan Staf